

**PERANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI DALAM PENGAJIAN FALAK SYARIE:  
KAJIAN PERBANDINGAN DI PERAK DAN SELANGOR**  
**(Roles Played by the Public Libraries in Developing the Studies of Islamic Astronomy :  
A Comparative Study between Perak and Selangor State)**

Oleh:  
Aizan bt Ali @ Mat Zin \*  
Mohamad Ridzuan b Varusai \*\*

**Abstrak**

*Islam telah memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu falak syarie hasil daripada ketokohan ilmuan-ilmuan Islam silam. Mereka telah memberi sumbangan yang banyak dalam perkembangan falak syarie pada masa yang sama membantu Baitul Hikmah menjadi pusat rujukan dan kajian yang ulung. Di Malaysia, pengajian falak syarie semakin mendapat tempat yang mana kini subjek ini boleh didapati di beberapa Universiti. Walaubagaimanapun, cabang ilmu ini tidak di ajar secara rasmi di peringkat rendah kecuali di beberapa buah sekolah dan sumber rujukan yang boleh didapati adalah daripada perpustakaan awam. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti peranan yang dimainkan oleh perpustakaan-perpustakaan awam negeri Perak dan Selangor dalam pengajian falak syarie. Data-data yang dikumpul daripada kajian ini merupakan data primer. Penganalisaan data penting seperti jumlah buku falak yang terdapat di perpustakaan dijalankan untuk perbandingan antara perpustakaan awam. Hasil kajian menunjukkan sejauh mana peranan yang dimainkan oleh perpustakaan awam negeri beserta langkah penambahbaikan dan cadangan dalam meningkatkan kadar efisiensi perpustakaan awam negeri dalam pengajian falak syarie.*

**Kata Kunci :** *Falak Syarie, Ilmu, Perpustakaan, Peranan*

**Abstract**

*Islam has played massive parts in term of contribution the development of astronomy with help from ancient Islamic astronomers. They have played essential role in building Baitul Hikmah as a centre of research in Islamic astronomy. In Malaysia, Islamic astronomical studies become much popular as currently the subject is available at the universities. However, this subject is hardly taught at the primary level of education, except few of them. Furthermore, references for this subject is believed can only be obtained at the public library. Hence, this research is conducted to determine the roles played by the public library in Perak and Selangor state in developing the studies of Islamic astronomy.*

**Keywords :** *Falak, Knowledge, Library, Role*

**Pendahuluan**

Ilmu merupakan perkara yang penting dalam pembangunan modal insan seorang muslim. Ini disebut di dalam sebuah hadis yang bermaksud “*Barangsiapa yang menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah permudahkan baginya jalan ke syurga*”<sup>1</sup>. Hadis ini dengan jelas menunjukkan betapa pentingnya peranan ilmu dalam kehidupan seseorang muslim dalam mencapai keredhaan Allah.

Dalam arus modenisasi pembangunan masa kini, pengajian ilmu bukan sahaja boleh didapati melalui ceramah ataupun kuliah agama bahkan boleh didapati melauai karya-karya tulisan ilmuwan masa kini melalui tulisan ataupun artikel secara atas talian. Namun begitu, realitinya tidak ramai yang membeli

---

\* Aizan bt Ali@ Mat Zin, PhD, pensyarah kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

\*\* Mohamad Ridzuan b Varusai merupakan pembantu penyelidik di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>1</sup> Hadis riwayat Tirmidzi. No. Hadis 2646. Sunan At-Tirmidzi. Maktabah Almuarif lilnasir watauri Riyadh. halaman 596.

buku-buku berunsur ilmiah ini apatah lagi membacanya. Dalam rekod yang ditunjukkan pada tahun 2012, rakyat Malaysia membaca purata 2 buah naskah buku setahun<sup>2</sup>. Ini adalah satu rekod yang amat rendah dan menyedihkan, menunjukkan tahap kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia tentang kepentingan membaca dan menambah ilmu pengetahuan amat rendah.

Antara faktor yang kurangnya minat dalam membaca buku adalah kerana harga buku-buku ini yang lebih mahal berbanding bahan-bahan bacaan ringan seperti majalah dan komik. Hal ini dapat dikekang dengan menggunakan perkhidmatan perpustakaan yang berhampiran dengan kediaman ataupun tempat kerja. Setiap lapisan masyarakat boleh menikmati kemudahan yang sedia ada dan dalam tempoh yang sama dapat juga menambah ilmu pengetahuan. Kepentingan ilmu ini ditunjukkan di dalam hadis bermaksud “*Wahai Abu Zar, keluarmu pada pagi hari untuk mempelajari satu ayat dari kitab Allah itu lebih baik daripada kamu mengerjakan solat 100 rakaat. Keluarmu pada pagi hari untuk belajar satu bab dari ilmu, baik diamalkan maupun tidak adalah lebih baik bagimu daripada kamu mengerjakan solat seribu rakaat*”<sup>3</sup>. Ibadat solat merupakan salah satu tiang yang membentuk Islam. Namun, dalam hal ini, Rasulullah ingin menunjukkan bahawa menuntut ilmu itu adalah penting. Ini kerana ilmu akan membentuk modal insan yang lebih baik dan cemerlang.

Artikel ini akan membincangkan tentang peranan perpustakaan awam negeri dalam pengajian falak syarie. Ia akan menyenaraikan beberapa peranan perpustakaan dan metod dalam meningkatkan keberkesanan perpustakaan ini dalam menyampaikan ilmu berkaitan falak syarie dalam kalangan masyarakat malaysia.

### **Perpustakaan pada era Abbasiyah**

Perpustakaan bukan lagi satu nama asing dalam dunia Islam. Peranannya yang begitu besar dalam pembangunan masyarakat dan tamadun dapat dilihat sehingga hari ini. Ia menjadi pusat penterjemahan dan preservasi bahan-bahan daripada Parsi. Ini dapat dilihat daripada bukti sejarah Baitul Hikmah sebagai pusat penterjemahan<sup>4</sup>. Perpustakaan juga adalah institusi yang begitu penting dalam pembangunan ilmu falak syarie ketika suatu masa dulu. Semasa di urus oleh Yuhanna ibn Masawayh, Baitul Hikmah menjadi pusat penyelidikan dalam dua bidang besar iaitu astronomi dan juga perubatan<sup>5</sup>. Puncak peradaban Islam jelas dilihat pada zaman khalifah Al-Ma'mun memimpin pada ketika itu. Minat yang mendalam pada ilmu adalah salah satu kekuatan beliau sehingga beliau digelar pencinta ilmu<sup>6</sup>. Ini ditambah pula dengan pembinaan Baitul Hikmah yang menjadi pusat penyebaran ilmu pada ketika masa itu<sup>7</sup>.

Dapat dilihat dengan jelas betapa pentingnya perpustakaan dalam pembangunan masyarakat. Namun persoalan seterusnya yang timbul adalah bagaimana perpustakaan ini mempunyai hubungkait dengan pembangunan falak syarie. Persoalan ini boleh dikaitkan dengan peranan Baitul Hikmah. Ia merupakan pusat perkembangan ilmu pengetahuan yang tersohor. Pada ketika itu juga, perkembangan ilmu adalah ditahap yang sangat tinggi atas faktor kecintaan ilmu oleh Khalifah Al-Ma'mun sendiri. Selain daripada itu juga, pengaruh keilmuan pada era Abbsiyah memainkan peranan dalam perkembangan ilmu pada ketika ini. Zaman ini dikatakan adalah zaman yang paling baik dalam

---

<sup>2</sup> Sumber daripada Utusan Malaysia. Diambil daripada

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0208&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0208&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm) pada 22 Ogos 2014

<sup>3</sup> Hadis riwayat Ibn Majjah. No hadis 219. Sunan Al-Hafiz Abi Abdullah Muhammad bin Yazid Al-Fazwini Ibnu Majjah. Beirut Lubnan. Halaman 79

<sup>4</sup> Dasuki Ahmad (1983). *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur

<sup>5</sup> Rahim Kaviami, Nafiseh Salehi et al (2012). The significance of the Bayt Al-Hikma (House of Wisdom) in early Abbasid Caliphate (132 A.H-218 A.H). Halaman 4. 11(9). *Middle-East Journal of Scientific Research*.

<sup>6</sup> Shahrul Nizam Ishak, Noor Hayati Marzuki, Jamaluddin Md. Ali (2009). *The importance of Translation Mathematics Old Script*. 3(1). Halaman 55-64

<sup>7</sup> Kamran, M (2009). Great Patron of Sciences – Part 1 : Mamun AL'Rashid Guardian of Scientific and Philosophical Research in Medieval Islam. *International Journal of Pathology*. Pp 104-106

percambahan kebudayaan Islam kerana terdapat dua orang khalifah yang hebat iaitu Khalifah Harun Al-Rasyid dan Khalifah Al-Ma'mun.<sup>8</sup> Dengan pimpinan kedua-dua khalifah ini, era Abbasiyah melihat kemajuan dalam bidang ilmu yang belum pernah dikecapi sebelum ini. Pengajian ilmu berkembang dengan sokongan padu yang diberikan oleh khalifah kepada mereka. Pembinaan Balai cerap di gunung Qaysun berhampiran dengan Damsyik dan juga di Syammasiyyah Baghdad ketika ini jelas melihat sokongan kuat mereka kepada pengajian ilmu umumnya dan falak khususnya<sup>9</sup>.

Pada ketika ini, terdapat ramai tokoh-tokoh ilmuan Islam yang mempelajari dan membuat kajian berkaitan dengan falak syarie antaranya Al-Khawarizmi dan Al-Biruni<sup>10</sup>. Al-Khawarizmi merupakan salah seorang ahli Baitul Hikmah<sup>11</sup>. Sumbangan besar Al-Khawarizmi dalam bidang falak adalah penulisan beliau dalam pembinaan jadual astronominya<sup>12</sup>. Mereka adaah antara tokoh yang membuat penyelidikan dalam bidang falak. Hasil penyelidikan mereka berada di Baitul Hikmah yang berfungsi sebagai pusat penyimpanan ilmu supaya rekod mereka dalam kajian yang dijalankan boleh didapati di Baitul Hikmah supaya boleh dirujuk oleh ilmuan Islam yang lain pada ketika itu<sup>13</sup>. Kita dapat melihat dengan jelas peranan yang dimainkan oleh Baitul Hikmah yang juga merupakan perpustakaan agung ketika itu yang menjadi pusat pertukaran maklumat berkaitan bidang falak syarie.

Selain daripada itu, peranan terjemahan juga amat penting di Baitul Hikmah. Karya-karya yang dibawa daripada negara luar seperti India dan Parsi akan diterjemah supaya dapat dibaca oleh masyarakat setempat dan ilmuan-ilmuan lain. Ini dibuktikan lagi dengan kedudukan Baitul Hikmah sebagai perpustakaan pertama yang besar di Baghdad<sup>14</sup>.

Ia juga mempunyai balai cerap, bilik penterjemahan, dan juga perpustakaan besar yang menjadi rujukan bagi ilmuan-ilmuan ketika itu<sup>15</sup>. Koleksi-koleksi peribadi oleh pemerintah ketika itu seperti Al-Rashid dan Al-Ma'mun juga boleh didapati didalamnya. Hal ini menunjukkan bahawa perpustakaan pada era abbasiyah tidak hanya berfungsi sebagai pusat rujukan semata-mata. Ia mempunyai peranan yang besar dalam perkembangan ilmu falak syarie dengan wujudnya balai cerap di dalam perpustakaan tersebut yang tidak dapat dilihat pada perpustakaan awam pada masa kini.

Perkembangan ilmu pada zaman ini disokong oleh proses pembukuan. Ini merupakan kaedah yang penting dalam memastikan ilmu itu tidak akan hilang dan sentiasa mampu menjadi rujukan bagi ilmuan lain ataupun generasi akan datang. Sebelum era Abbasiyah, didapati bahawa tidak ada penulisan yang tersusun dilakukan. Jika terdapat penulisan, ianya ditulis di atas kulit-kulit haiwan. Penyusunan bab-bab dilakukan pada era Abbasiyah dengan berpandukan fasal-fasal berkaitan dalam bab yang berbeza. Antara tokoh yang memberi sumbangan besar dalam proses pembukuan ini adalah Imam Malik. Beliau adalah penyusun kitab Al-Muwatta'<sup>16</sup>.

---

<sup>8</sup> Anita Desi Fitriana(2013).*Peranan Perpustakaan Bagi Masyarakat( Kajian Pustaka Mengenai Baitul Hikmah pada masa Abbasiyah)*.Program Studi Ilmu Perpustakaan Fakultas Adab dan Ilmu Budaya Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.

<sup>9</sup> S. Salahuddin Suyorno, et el (2006). Sains dan ICT : Peranan dan Cabaran enurut Perspektif Islam. UPENA UiTM. Shah Alam Selangor.

<sup>10</sup> Yasmeen Mahnaz Faruqi (2006).Contributions of Islamic Scholars to the Scientific Enterprise.7(4).International Education Journal. halaman 1

<sup>11</sup> Adnan Baki (1992). Al-Khawarizmi's Contribution to the Science of Mathematics : Al-Kitab Al Jabr Wa'l Muqabalah, .Journal of Islamic Academy of Science 5:3.Halaman 225-228

<sup>12</sup> Bernard R. Goldstein (2009). Astronomy as a Neutral Zone: Interreligious Cooperation in Medieval Spain. Journal of Medieval Encounter. halaman 159-174

<sup>13</sup> Opcit. halaman 4.

<sup>14</sup> ibid

<sup>15</sup> Opcit halaman 4.

<sup>16</sup> Ibid halaman 4.

Begitu besar peranan yang dimainkan oleh Baitul Hikmah dalam pembangunan tamadun dan masyarakat arab era abasiyah. Ini menunjukkan betapa banyaknya peranan perpustakaan dalam pelbagai cabang seperti penyimpanan karya dan penterjemahan.

### **Falak Syarie di Malaysia**

Perkembangan ilmu falak syarie di Malaysia boleh disusuri dengan sejarah Islam di Tanah Melayu sendiri. Ia bermula dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu sejak hampir enam abad yang lalu dan bermulanya satu pegangan agama baru dengan kewajipan yang dilakukan seperti menunaikan solat lima waktu, mengerjakan zakat dan berpuasa<sup>17</sup>. Dalam menunaikan ibadat seperti solat dan haji, proses penentuan waktu dilakukan. Proses ini melibatkan penggunaan Rukyah dan hilal. Masyarakat setempat mula mempelajarinya dan dari situ, ilmu falak terus berkembang menjadi satu cabang ilmu yang penting dalam kehidupan umat Islam. Kepentingan ilmu falak meliputi penentuan waktu solat, puasa Ramadhan dan juga waktu menunaikan haji. warisan daripada pengajian ini terus berkembang pengajian wujudnya institusi-institusi yang menawarkan pengajian falak seperti Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaya dan juga Universiti Sains Malaysia. Menurut Iknor Azli Ibrahim, antara tokoh yang awal dalam mempelajari bidang ilmu falak syarie di Tanah Melayu adalah seperti Haji Abdullah Fahim dan juga Syekh Tahir Jalaluddin<sup>18</sup>.

### **Sorotan Kajian Lepas**

Kajian lepas yang dilakukan oleh Balqis dalam artikel yang bertajuk Perpustakaan Islam di Malaysia Masa Kini telah membincangkan beberapa kategori yang diperlukan oleh sesebuah perpustakaan itu untuk bertaraf perpustakaan Islam seperti ciri-cirinya dan kategori perpustakaan Islam serta banyak lagi.

Antara ciri-ciri perpustakaan Islam adalah bahan berbahasa arab merupakan komponen utama koleksi di dalam perpustakaan tersebut. Ini kerana agama Islam merupakan agama yang disampaikan kepada nabi Muhammad s.a.w dalam bahasa arab. Pertuturan nabi dan sahabat juga adalah dengan bahasa arab. Tambahan pula, karya-karya klasik Islam adalah ditulis dalam bahasa arab. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai satu pusat rujukan yang berkualiti yang di dalamnya dilengkapi dengan bahan turath yang standard. Bahan-bahan ini haruslah boleh didapati di perpustakaan tersebut untuk menjadikannya layak digelar perpustakaan Islam. Sistem penyusunan dan pengindeksan haruslah berpaksikan Islam yang menjadikan perpustakaan tersebut mempunyai bahan-bahan yang menunjukkan sifat dan agama Islam itu sendiri dengan koleksi-koleksi Islam yang asli, berkualiti dan berkredibel ditambah dengan bahan-bahan dan rujukan dari subjek lain dan luar negara. Fokus utama perpustakaan Islam adalah ia bersifat awam dan tidak khas<sup>19</sup>.

Perpustakaan Islam juga mempunyai kategori-kategori tersendiri antaranya perpustakaan awam. Di dalam artikel ini, dijelaskan bahawa perpustakaan awam ini terdapat atau dibina sebagai unit bangunan tambahan di masjid ataupun madrasah. Ia juga boleh menjadi bangunan tetap yang dikhususkan untuk perpustakaan awam. Perpustakaan khusus (*mutakhasssah*) merupakan perpustakaan yang berbentuk separa awam yang dibina oleh pemerintah tertentu dengan tujuan untuk penyimpanan koleksi mengikut subjek yang diminati oleh pemerintah tersebut. Perbezaan utama antara keduanya adalah akses. Perpustakaan awam bersifat terbuka kepada orang ramai manakala perpustakaan khusus adalah untuk golongan-golongan tertentu sahaja. Akhir sekali, perpustakaan khas (*khassah*) yang merupakan

---

<sup>17</sup> Dr. Saadan Man, Pengajian Astronomi Islam Berlandaskan Hadis Nabi : Perkembangannya di institusi-institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Halaman 4

<sup>18</sup> Iknor Azli Ibrahim, Mohd Razlan Ahmad, Mohd Hafiz Safiai(2013). Astrofiqh Observatories in Malaysia: A Continuation of Islamic Astronomy from West Asia.

<sup>19</sup> Balqis binti Suja(2012). Perpustakaan Islam di Malaysia Masa Kini. Perpustakaan Masjid Pemangkin Ketamadunan Ummah. Prosiding Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

perpustakaan persendirian di istana atau rumah golongan ilmunan. Terdapat perpustakaan dari kategori ini yang dibuka kepada orang ramai namun ada juga yang dibuka hanya untuk keluarga dan kenalan sahaja<sup>20</sup>.

Perkembangan perpustakaan bermula sejak dari zaman dinasti Umayyah (661-750). Ianya bermula dengan perpustakaan yang dibina di dalam masjid daripada koleksi bahan ilmu yang terdapat disitu<sup>21</sup>. Bermula daripada situ, bermulanya satu kemajuan dalam peradaban ilmu dalam dunia Islam apabila peranan perpustakaan semakin bertambah dengan bertambahnya koleksi ilmu seiring dengan peningkatan bilangan ulama-ulama dan cendekiawan-cendekiawan Islam seperti Al-Farabi, Al-Khawarizmi dan ramai lagi. Perpustakaan yang awalnya dibina sebagai pusat penterjemahan kini juga berfungsi sebagai balai cerap untuk ahli-ahli astronomi yang mengunjunginya<sup>22</sup>. Peranan perpustakaan yang berkembang akan menarik lebih ramai ilmunan daripada pelbagai cabang ilmu untuk mengunjunginya. Ilmunan-ilmunan ini akan membawa enulisan-penulisan mereka yang bakal disimpan di dalam perpustakaan ini.

Ini merupakan satu titik penting dalam peradaban Islam yang mana sehingga kini, koleksi-koleksi manuskrip dan buku-buku yang ditulis dan disimpan pada abad itu menjadi koleksi yang sangat berharga. Secara tidak langsung juga, ianya menunjukkan peradaban Islam yang sentiasa berkembang dan tidak mundur. Dengan aktiviti-aktiviti berteraskan keilmuan seperti penyelidikan dan juga pengajian, ilmu pada masa ini berkembang seiring dengan koleksi perpustakaan yang bertambah hasil daripada penulisan ilmunan-ilmunan pada masa tersebut.

Perpustakaan tidak pernah berhenti daripada berkembang berkembang sehingga kini. Mengikut Anita Desi Fitriana dalam penulisan tesisnya bahawa pembinaan Baitul Hikmah pada zaman khalifah Umar Abdul Aziz membuka lebih banyak ruang dalam peranan perpustakaan ketika itu yang mana kini juga menjadi pusat penterjemahan<sup>23</sup>. Dapat dilihat perkembangan yang bermula hanya dengan tempat penyimpanan koleksi buku-buku kini menjadi sebuah institusi penterjemahan yang agung pada ketika itu. Ini menarik ramai golongan ilmunan Islam dan untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian-kajian yang dilakukan oleh ilmunan lain yang berada di dalam negara arab mahupun luar daripada negara Arab seperti Greek dan juga Babylon.

Walaubagaimanapun, pemerhatian yang dijalankan mendapati bahawa kadar kunjungan ke perpustakaan adalah kurang. Pemerhatian yang dijalankan di perpustakaan-perpustakaan di Perak, mendapati bahawa kadar kunjungan adalah kurang daripada 100 orang sehari bagi perpustakaan awam dan kurang daripada 50 orang bagi perpustakaan desa dalam satu-satu tempoh masa. Bilangan pengunjung yang kurang disebabkan kemudahan yang tidak mesra kepada pengunjung dan juga koleksi-koleksi bahan yang lama dan tidak ada proses pembaharuan koleksi buku-buku ilmiah.

Beberapa kaedah boleh diterapkan kepada perpustakaan negeri ini bagi meningkatkan bilangan pengunjung dalam memartabatkan lagi perpustakaan ini. Menurut Nor Azzah binti Momin dalam artikelnya yang bertajuk Mengimarahkan Perpustakaan Masjid, terdapat beberapa faktor yang boleh menarik orang ramai untuk ke perpustakaan masjid. Antara faktornya adalah seperti koleksi,

---

<sup>20</sup> Ibid. Halaman 87.

<sup>21</sup> Ibid. Halaman 90.

<sup>22</sup> Rahim Kaviami, Nafiseh Salehi et ei(2012). The significance of the Bayt Al-Hikma (House of Wisdom) in early Abbasid Caliphate (132 A.H-218 A.H). halaman 4. 11(9). Middle-East Journal of Scientific Research.

<sup>23</sup> Anita Desi Fitriana(2013).Peranan Perpustakaan Bagi Masyarakat( Kajian Pustaka Mengenai Baitul Hikmah pasa masa Abbasiyah).Program Studi Ilmu Perpustakaan Fakultas Adab dan Ilmu Budaya Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.

kemudahan, perkhidmatan dan lokasi<sup>24</sup>. Faktor-faktor ini boleh diaplikasikan kepada perpustakaan awam negeri dalam meningkatkan kadar pengunjung ke perpustakaan.

### **Perpustakaan Awam Negeri**

Setelah meneliti fakta-fakta daripada sejarah ketamadunan Islam masa lalu, dapat dinyatakan bahawa perpustakaan dan karya-karya berkaitan dengan falak syarie adalah perkara yang tidak asing lagi. Karya-karya lmuam Islam pada zaman ketamadunan Abasiyah dalam bidang ilmu falak syarie adalah banyak dan amat bernilai. Ianya disimpan dan dimanfaatkan oleh ilmuan-ilmuan Islam pada masa lalu dalam proses memperbaiki dan menambahbaik karya masing-masing<sup>25</sup>.

Perpustakaan adalah satu institusi yang amat penting dalam perkembangan ilmu dan pembangunan masyarakat. Telah terbukti dalam tempoh dinasti Abbasiyah, bagaimana Baitul Hikmah membawa perubahan besar pada masyarakat ketika itu. Peranan yang dimainkan oleh Baitul Hikmah yang bukan sekadar perpustakaan namun juga berfungsi sebagai pusat penterjemahan, pusat perbincangan dan juga balai cerap untuk aktiviti astronomi memberi impak terhadap perkembangan pengajian ilmu pada masa itu<sup>26</sup>. Perkara yang sama perlu dinilai dan diteliti dalam membangunkan pengajian ilmu yang lebih berkesan.

Fokus akan diberikan kepada peranan perpustakaan dalam pengajian falak syarie. Satu kajian perbandingan di antara perpustakaan-perpustakaan dilaksanakan dalam membentuk metod yang efektif dalam perkembangan pengajian falak syarie menggunakan perpustakaan sebagai medium. Metod ini akan dapat memaksimumkan peranan perpustakaan awam yang sedia ada dalam pengajian falak syarie. Dalam kajian lepas yang dijalankan, didapati bahawa tidak terdapat satu kajian yang khusus berkaitan perpustakaan dalam pengajian falak syarie. Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada pengajian falak syarie dan bagaimana perpustakaan awam memainkan peranannya dalam hal ini. Ini akan membezakan kajian yang dijalankan kini dengan kajian-kajian lepas

Di kebanyakan kawasan di Malaysia perpustakaan akan dibina dan disediakan oleh pihak kerajaan, badan bukan kerajaan(NGO) ataupun wakaf. Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan setiap negeri dengan Perbadanan Perpustakaan Awam tersendiri. Institusi ini diuruskan oleh negeri masing-masing dibiayai oleh kerajaan. Antara Perbadanan Perpustakaan Negeri yang wujud di Malaysia di bawah kerajaan negeri masing-masing adalah Perpustakaan Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Negeri Kelantan, Perbadanan Perpustakaan Negeri Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Negeri Pahang, Perbadanan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Perpustakaan Negeri Kedah, Perbadanan Perpustakaan Negeri Perlis, Perbadanan Perpustakaan Negeri Sembilan, Perbadanan Perpustakaan Negeri Johor, Perbadanan Perpustakaan Negeri Sarawak, Perbadanan Perpustakaan Negeri Sabah dan juga Perbadanan Perpustakaan Kuala Lumpur<sup>27</sup>.

Di bawah setiap Perbadanan Perpustakaan Awam negeri terdapat perpustakaan awam daerah dan juga perpustakaan awam desa. Terdapat banyak kemudahan yang disediakan untuk pengunjung. Antara kemudahan yang ada di dalam perpustakaan adalah akses kepada internet, pinjaman buku,perkhidmatan fotokopi, televisyen yang memaparkan rancangan ilmiah,seksyen buku kanak-kanak,seksyen buku fiksyen,seksyen buku dewasa, seksyen buku rujukan, seksyen buku-buku koleksi khas dan juga komputer.

Terdapat juga aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh perpustakaan untuk menarik lebih ramai pengunjung dalam usaha untuk meningkatkan statistik pembacaan rakyat Malaysia.

<sup>24</sup> Nor Azzah binti Momin (2012) Mengimarahkan Perpustakaan Masjid. Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012. Universiti Islam Antarabangsa

<sup>25</sup>Rahim Kaviami, Nafiseh Salehi et el (2012). The significance of the Bayt Al-Hikma (House of Wisdom) in early Abbasid Caliphate (132 A.H-218 A.H). halaman 4. 11(9). Middle-East Journal of Scientific Research.

<sup>26</sup> Ibid.


<sup>27</sup> Sumber diambil daripada <http://www.ppas.gov.my/index.php/pautan/11-pan> pada 4 November 2014.

Walaupun bagaimanapun, kemudahan-kemudahan dan aktiviti yang begitu banyak disediakan kadang kala tidak mendapat sambutan dan menyebabkan kerugian kepada masyarakat sendiri.

Dalam kajian ini, perpustakaan yang dilawati dan menjadi tapak kajian merupakan perpustakaan awam di dalam dua buah negeri iaitu Perak dan juga Selangor. Perpustakaan yang diambil menjadi sampel akan dikaji dalam melihat peranan perpustakaan tersebut dalam penyebaran pengajian falak syarie di kawasan tersebut. Perpustakaan yang dilawati meliputi perpustakaan awam dan juga perpustakaan desa yang dipilih. Data yang dikumpulkan akan menunjukkan bagaimanakah keadaan perpustakaan tersebut dan peranannya dalam perkembangan ilmu falak syarie di negeri tersebut.


### Hasil Kajian

Perpustakaan merupakan salah satu institusi ilmu yang terulung yang dibina daripada ketamadunan silam lagi. Peranan mereka terus berkembang dalam memastikan kewujudan institusi ini terus relevan dengan kemajuan dan minda masyarakat masa kini. Daripada kajian yang dijalankan ini, hasil kajian akan dibahagikan kepada dua buah negeri iaitu Perak dan Selangor. Di negeri Perak dan Selangor, bilangan buku adalah seperti berikut:



Gambar Rajah 1: Carta Pai bilangan bahan astronomi di negeri Perak mengikut Perpustakaan





Gambar Rajah 2: Carta Pai bilangan bahan astronomi di negeri Selangor mengikut Perpustakaan

Gambar rajah 1 dan 2 menunjukkan peratusan bilangan buku astronomi jika dibandingkan bersama perpustakaan lain di negeri Perak dan juga Selangor yang dikaji. Buku-buku astronomi yang diambil daripada data ini merupakan buku-buku yang berjilid 520 sehingga 529. Kesemua buku untuk kategori ini adalah merupakan buku dari subjek astronomi dan ukur tanah.

Sistem pengkelasan yang digunakan juga memainkan peranan dalam pengumpulan data kajian ini. Sistem pengkelasan yang digunakan di perpustakaan awam negeri ini adalah sistem pengkelasan Dewey. Sistem Pengkelasan Dewey adalah salah satu sistem pengkelasan yang digunakan di perpustakaan di seluruh dunia. Ianya dibina oleh seorang pustakawan warga Amerika iaitu Melvil Dewey semasa beliau berkhidmat sebagai pembantu pustakawan di kolej pada tahun 1870<sup>28</sup>. Konsep yang digunakan dalam sistem pengkelasan ini adalah menggunakan subjek yang mana buku yang mempunyai subjek yang sama perlu diletakkan bersama.

Sistem klasifikasi ini memudahkan pengunjung yang ingin mencari buku yang diperlunya. Dengan hanya mengetahui subjek yang ingin mereka cari, mereka akan dapat mencari buku-buku berkaitan dalam masa yang sangat singkat. Perpustakaan di Perak dan Selangor juga menggunakan pengkelasan sistem yang sama.

<sup>28</sup> Diambil daripada <http://library.csu.edu/callnumbers/deweynumber.html> pada 29 August 2014



INDEX RAK 400-499						
	BAY 1	BAY 2	BAY 3	BAY 4	BAY 5	BUKUCAN
A	400-420.99	421-425	425.001-427.99	428-430.99	431-435.99	436-439.99
B	439-439.237	439.238-439.239	439.239-439.27	439.28	439.2901-	439.99-439.99
C						
D						
E						
F						

INDEX RAK 500-599						
	BAY 1	BAY 2	BAY 3	BAY 4	BAY 5	BUKUCAN
A	500-505.99	510-514.99	515-519.99	520-529.99	530-539.99	540-549.99
B	540-550.99	551-572.99	573-590.99	591-599		
C						
D						
E						
F						

Gambar Rajah 2: Sistem Pengkelasan Dewey dipaparkan di Rak buku Perpustakaan

Hasil daripada kajian ini mendapati kebanyakan perpustakaan meletakkan sistem dan maklumat berkaitan sistem pengkelasan Dewey di rak-rak buku yang berkaitan dan ini sedikit sebanyak memudahkan pencarian buku-buku yang ingin dicari. Pengkelasan merupakan perkara yang penting dalam memastikan buku-buku dapat terus diakses kepada pengguna dan dalam hal ini, buku-buku berkaitan astronomi dapat diakses dengan mudah dan dapat menarik pengguna dalam membaca dan mendapatkan informasi daripadanya.

Perpustakaan yang sering dikunjungi oleh orang ramai adalah perpustakaan yang terletak di lokasi yang strategik dan mempunyai bahan yang banyak dan terbaru. Ini merupakan antara faktor yang selalu diambil kira dalam minda pengunjung perpustakaan. Dalam pemerhatian dan penyelidikan yang dilakukan, didapati bahawa kebanyakan perpustakaan-perpustakaan ini mempunyai kedudukan yang strategik dan sesuai dalam menarik pengunjung di daerah dan kawasan tersebut. Namun begitu, terdapat juga perpustakaan yang mempunyai kedudukan yang kurang strategik yang boleh menyebabkan bilangan pengunjung ke perpustakaan itu sedikit. Selain daripada itu juga, perpustakaan memainkan peranan yang penting dalam memastikan pengunjung menerima akses kepada maklumat-maklumat yang terkini samada dalam bentuk bercetak ataupun elektronik.

Masyarakat kini dapat mengakses dengan cepat dan mudah setiap maklumat yang mereka ingin perolehi dengan hanya membuat carian web di laman carian seperti Google dan Yahoo. Contoh daripada sudut sejarah sendiri apabila penyebaran bahan sejarah telah disebarkan melalui bentuk multimedia menggunakan rangkaian digital bermula daripada pertengahan tahun 1990an lagi<sup>29</sup>. Ianya dihasilkan oleh pihak muzium, arkib, perpustakaan mahupun daripada wakil orang persendirian. Di era yang lebih moden lagi, kebanyakan cabang ilmu boleh didapati di dalam internet sahaja. Ini sedikit sebanyak mempengaruhi bilangan pengunjung ke perpustakaan. Hal ini berlaku kerana perpustakaan ini tidak mempunyai akses kepada internet dan buku yang terbaru dalam memastikan minda yang sentiasa terbuka dalam menerima input yang baharu.

Dalam kajian yang dilakukan didapati bahawa judul-judul dan versi buku-buku astronomi yang disediakan di perpustakaan-perpustakaan awam negeri terutamanya perpustakaan desa adalah merupakan versi yang lama. Terdapat perpustakaan desa yang dikunjungi semasa penyelidikan mempunyai buku-buku yang sudah lama yang mempunyai versi baharu di pasaran ataupun langsung tidak mempunyai buku astronomi dalam koleksi katalog perpustakaan tersebut. Ini mempengaruhi perkembangan ilmu falak syarie kerana maklumat-maklumat ini sentiasa berkembang dan masyarakat perlu diberi akses kepadanya. Tanpa adanya buku-buku yang lebih baharu dan banyak dalam

<sup>29</sup> Renuka Ramakrishnan, Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah. Kesan Penggunaan Sumber Digital Sejarah Terhadap Amalan Pemikiran Sejarah. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Universiti Sains Malaysia.

perpustakaan, ini akan menyukarkan pengunjung yang ingin mengkaji dan mendalami ilmu falak syarie. Pengajian akan terbantut dengan kekurangan buku-buku yang disediakan oleh perpustakaan. Bahan bercetak seperti buku penting dalam memastikan kesampaian setiap lapisan umur padanya. Pengunjung akan ke perpustakaan dalam mencari bahan-bahan terbaru dalam bentuk bercetak untuk bacaan mereka.

Dengan kewujudan jalur lebar di perpustakaan-perpustakaan ini, pengunjung masih lagi boleh mendapatkan maklumat-maklumat terkini dan menikmati akses jalur lebar secara percuma. Ini dapat dilihat jelas di perpustakaan-perpustakaan selangor dan Perak yang mempunyai sistem yang bersatu dan mudah apabila mereka mempunyai sistem carian dalam talian (OPAC). Ianya merupakan satu inisiatif yang baik dalam membantu masyarakat mendapatkan maklumat secara terus.

Kedua-dua bentuk bahan ini adalah amat penting dalam perkembangan ilmu itu sendiri. Kehadiran bahan-bahan bercetak yang terkini akan meningkatkan kadar minat kepada ilmu tersebut dan juga kesediaan bahan elektronik dan akses kepada jalur lebar membantu lagi pengunjung dalam memahami dan menyerap semua informasi. Masakini, didapati bahawa perpustakaan menjadi medan dua kelompok iaitu kelompok pengguna dan juga kelompok perkhidmatan perpustakaan. Kelompok ini tidak berinteraksi dan ini merugikan seluruh pihak.



Gambar Rajah 6: Komputer dan Akses kepada jalur lebar disediakan di perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam Selangor

Perpustakaan sentiasa menyediakan bahan dan perkhidmatan dalam memastikan pengunjung berpuas hati hasil daripada kunjungan mereka manakala pengunjung pula hanya berminat dengan bahan yang mereka ingin dapati dan tidak menggunakan perkhidmatan yang disediakan secara efisien. Perpustakaan di Zaman Abbasiyah sebagai contoh sentiasa menerima kunjungan daripada ilmuan-ilmuan Islam ketika itu dalam usaha untuk menambah input di dalamnya<sup>30</sup>. Hal ini boleh diambil sebagai satu contoh dalam mengeratkan komuniti dan juga perpustakaan. Masyarakat sering kali mendengar dan mengetahui aktiviti-aktiviti perpustakaan namun aktiviti-aktiviti tersebut adalah aktiviti yang berorientasikan untuk mempromosikan perpustakaan tersebut dan meningkatkan bilangan pengunjung.

Satu mekanisme baru boleh dilaksanakan dalam mempelbagaikan peranan perpustakaan sebagai pusat perkembangan ilmu. Kerjasama antara perpustakaan dengan kelab falak sebagai contoh boleh membantu perkembangan falak syarie di Malaysia. Dengan penganjuran siri kuliah falak yang diadakan di perpustakaan seterusnya dengan aktiviti praktikal seperti melihat anak bulan dapat meningkatkan minat dalam kalangan masyarakat terhadap ilmu falak seterusnya secara langsung perkembangan ilmu falak syarie dapat dilaksanakan. Ini dapat meningkatkan bilangan pengunjung ke

<sup>30</sup> Rahim Kaviami, Nafiseh Salehi et al (2012). The significance of the Bayt Al-Hikma (House of Wisdom) in early Abbasid Caliphate (132 A.H-218 A.H). halaman 4. 11(9). Middle-East Journal of Scientific Research.

perpustakaan selain daripada dapat mengembangkan ilmu falak syarie di Malaysia. Perpustakaan merupakan satu institusi yang sesuai untuk diadakan aktiviti-aktiviti seperti ini.



Gambar Rajah 7: Kawasan dalam perpustakaan sesuai untuk mengadakan siri kuliah ilmu

Perkongsian ilmu dalam bentuk perbincangan juga dapat dilakukan disini dan bertepatan dengan fungsi perpustakaan sebagai pusat perkembangan ilmu. Jika dilihat semula tentang peradaban Islam dan institusi perpustakaan, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa tujuan perpustakaan ini yang menyebabkan ianya agung di masa dahulu.

Antara faktor keagungannya adalah pemeliharaan bahan, pengeluaran dan penggandaan bahan ilmu, pengaliran dan penyebaran ilmu, penciptaan dan pencarian ilmu, penterjemahan dan pemindaan landasan peradaban<sup>31</sup>. Jika dibandingkan dengan perpustakaan masa kini, sudah pasti kita adalah jauh kebelakang walaupun kita berada di masa hadapan daripada generasi mereka. Baitul Hikmah pada zamannya merupakan pusat penterjemahan yang ulung. Karya-karya luar dibawa dan diterjemahkan dalam bahasa arab untuk pemahaman ilmuan-ilmuan Islam ketika itu. Di tambah pula dengan kewujudan balai cerap di dalam Baitul Hima mengembangkan lagi peranannya iaitu sebagai pusat observasi bagi ahli astronomi<sup>32</sup>. Ianya sangat jelas bahawa perpustakaan mempunyai peranan yang sangat kuat dalam pembentukan tamadun yang gemilang ketika itu. Mereka juga menyediakan aktiviti seperti perbincangan dan juga perbahasan yang jarang sekali ditemui di perpustakaan awam negeri. Kita boleh menyimpulkan bahawa perpustakaan pada zaman tersebut bukan perpustakaan semata-mata namun ia juga adalah sebuah universiti, makmal, atau kilang kepustakaan Islam<sup>33</sup>.

Ini boleh diambil sebagai contoh dalam metod untuk mengembangkan peranan perpustakaan awam negeri di Malaysia sebagai sebuah pusat falak syarie di Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa perpustakaan awam negeri di Perak dan Selangor mempunyai perkhidmatan yang baik dalam memastikan kepuasan pengunjung. Namun, perpustakaan awam dilihat tidak aktif dalam penganjuran aktiviti-aktiviti ilmiah. Penerapan pelbagai cara dalam pengajian harus diterap ke dalam perpustakaan awam. Pengajian berasaskan pembacaan sahaja tidak mencukupi. Bilik karek yang berfungsi sebagai bilik perbincangan hanya boleh didapati di sebahagian perpustakaan-perpustakaan besar dan tidak ada di perpustakaan desa. Pengajian berasaskan perbincangan boleh meningkatkan minat dalam pengajian falak syarie terutamanya. Dengan perbincangan isu-isu dan ilmu berkaitannya, pengajian ini akan

<sup>31</sup> Balqis binti Suja, (2012). Perpustakaan Islam di Malaysia Masa kini. Prosiding Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012.

<sup>32</sup> Ibid. Halaman 4.

<sup>33</sup> ibid

mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Hal yang sama juga dilakukan di Baitul Hikmah yang melihat ilmuan-ilmuan berbincang dan berbahas berkenaan penyelidikan mereka<sup>34</sup>.

Pengajuran aktiviti ilmiah seperti ceramah juga harus diperkenalkan di perpustakaan awam. Pengajian berteraskan konsep guru dan murid dapat meningkatkan minat dalam pengajian falak. Perpustakaan awam adalah medan pencarian ilmu bagi seluruh lapisan masyarakat. Ia tidak hanya untuk golongan-golongan tertentu sahaja. Pengajian mingguan boleh dilaksanakan di perpustakaan awam. Cara ini adalah lebih baik dimana penuntut boleh terus mencari bahan-bahan berkaitan untuk rujukan di perpustakaan berbanding dengan hanya terus meninggalkannya tanpa ada rujukan semula kepada pengajian yang dijalankan.

Islam menuntut penganutnya untuk sentiasa menuntut ilmu, maka dengan mengunjungi perpustakaan yang begitu aktif dengan aktiviti penulisan dan pembacaan disamping perbincangan dan perbahasan akan memajukan dan mengembangkan ilmu secara lebih efisien kepada setiap lapisan masyarakat. Seorang muslim juga mempunyai sifat memuliakan ilmu sebagaimana yang diajarkan kepada mereka. Ini merupakan pengaruh yang boleh diguna pakai dalam mengembangkan perpustakaan sebagai satu institusi yang mulia dalam perkembangan ilmu falak syarie di Malaysia. Aktiviti-aktiviti berkaitan falak syarie boleh dipertingkatkan di perpustakaan dalam usaha untuk mengembangkan pengajian ilmu ini di setiap peringkat masyarakat tanpa mengira usia.



Gambar Rajah 8: Perbincangan dan perbahasan penting dalam perkembangan ilmu

Kajian perbandingan yang dijalankan diantara dua buah negeri ini mendapati bahawa bilangan bahan astronomi yang boleh dirujuk di perpustakaan awam adalah lebih banyak di negeri Selangor berbanding dengan negeri Perak. Terdapat beberapa faktor yang perlu dinilai sebelum konklusi yang padat boleh dinyatakan hasil daripada perbandingan ini.

Jika dilihat daripada gambar rajah 9, jelas menunjukkan bahawa negeri Selangor jauh mendahului bilangan bahan astronomi di perpustakaan awam mereka jika dibandingkan dengan perpustakaan awam di negeri Perak. Walaubagaimanapun, faktor luaran perlu diambil kira dalam penganalisan data ini. Antara faktor luaran adalah, status buku-buku yang dipinjam, buku-buku yang digunakan oleh pengunjung ketika kajian dijalankan dan juga buku-buku yang masih lagi dalam proses oleh perpustakaan awam.

Semasa kajian ini dijalankan, buku-buku berkaitan astronomi yang dijumpai dan direkod adalah buku-buku daripada koleksi rujukan, koleksi khas, dan juga koleksi biasa. Bagi bahan-bahan daripada koleksi khas dan juga rujukan, buku-buku ini tidak boleh dipinjam dan ianya tidak akan didapati luar daripada perpustakaan tersebut. Namun buku-buku berkaitan astronomi yang termasuk didalam

---


<sup>34</sup> Ibid Halaman 4.

koleksi-koleksi biasa yang boleh dipinjam terus oleh pengunjung perpustakaan tersebut. Hasil daripada pemerhatian ini boleh memberi variasi hasil dapatan kajian.

Hasil pertama adalah seluruh buku berkaitan astronomi berada di perpustakaan masing-masing tanpa ada peminjam. Daripada dapatan ini ini, didapati bahawa bahan-bahan berkaitan astronomi adalah lebih banyak di Selangor dan ini menjurus kepada perkembangan ilmu falak syarie di negeri ini. Buku-buku yang ada dan dalam terbitan terkini menjadi pilihan bagi masyarakat untuk membaca dan ini menjurus kepada peningkatan minat dalam kalangan masyarakat terhadap ilmu falak syarie seterusnya berlaku perkembangan ilmu ini di negeri ini.

Bagi hasil dapatan kedua pula, kebanyakan buku yang tidak dapat dijumpai di perpustakaan-perpustakaan ini adalah kerana terdapat pengunjung yang meminjamnya dan membacanya. Daripada itu, didapati bahawa negeri Perak mempunyai buku yang lebih kurang daripada perpustakaan di negeri Selangor. Ini menunjukkan bahawa bilangan masyarakat yang berminat dan membaca bahan astronomi adalah ramai dan ini menjurus kepada perkembangan ilmu falak syarie di negeri itu. Hal ini adalah berasaskan hipotesis yang buku-buku yang tidak ada semasa kajian dijalankan telah dipinjamkan kepada pengunjung.

Namun begitu, faktor-faktor ini adalah hipotesis sahaja dan kajian menyeluruh boleh dilakukan dalam memastikan ketepatan maklumat ini.



Gambar Rajah 9: Perbandingan antara negeri bahan-bahan astronomi yang dijumpai di perpustakaan negeri.

## **Kesimpulan**

Usaha dalam mengembangkan ilmu telah bermula sejak dahulu lagi. Usaha untuk mengembangkan ilmu falak syarie bermula daripada perpustakaan awam negeri seharusnya dititiberatkan kerana ia adalah salah satu langkah dalam melahirkan muslim yang berilmu. Peranan yang dimainkan oleh perpustakaan harus dipertingkatkan lagi dan seluruh usaha yang diberikan kepadanya tidak harus dipandang dipandang ringan. Usaha untuk membangunkan institusi ini adalah usaha bersama daripada seluruh pihak termasuk kerajaan dan juga masyarakat. Perpustakaan awam boleh menjadi pusat pengajian falak syarie yang tersohor dengan usaha setiap pihak dalam memastikan kelangsungan sumber-sumber rujukan dan juga aktiviti berkaitan dengan falak syarie seperti cerapan. Pengajian ini mampu berkembang dan seterusnya melahirkan masyarakat yang celik falak syarie dan mampu melakukan ijtihad dalam hal-hal berkaitan dengan falak syarie seperti penentuan waktu solat.

Pembangunan institusi ini harus dilihat oleh seluruh pihak secara bersama dan tidak seharusnya menjadi isu kepentingan mana-mana pihak. Institusi perpustakaan yang mampu mengembangkan ilmu

falak adalah satu agenda yang tidak mustahil dan dapat memberi impak yang positif kepada masyarakat setempat khususnya dan masyarakat seluruh Malaysia secara umum.

Perkhidmatan sedia ada yang baik di perpustakaan harus dikekalkan untuk memberi pengalaman yang baik kepada pengunjung. Perpustakaan merupakan institusi ilmu yang ulung. Pengajian falak syarie di perpustakaan awam adalah satu perkara yang boleh berlaku. Dengan beberapa usaha penambahbaikan seperti yang dinyatakan dalam artikel ini, dapat memaksimumkan peranan perpustakaan awam dalam pengajian falak syarie. Usaha-usaha murni ini akan melahirkan masyarakat yang berilmu dengan ilmu yang baik.

## **Rujukan**

Adnan Baki(1992). *Al-Khawarizmi's Contribution to the science of mathematics : Al-Kitab Al Jabr Wa'l Muqabalah*.Journal of Islamic Acedemy of Science 5:3.

Anita Desi Fitriana(2013).*Peranan Perpustakaan Bagi Masyarakat( Kajian Pustaka Mengenai Baitul Hikmah pasa masa Abbasiyah)*.Program Studi Ilmu Perpustakaan Fakultas Adab dan Ilmu Budaya Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.

Balqis binti Suja(2012). *Perpustakaan Islam di Malaysia Masa Kini. Perpustakaan Masjid Pemangkin Ketamadunan Ummah*. Prosiding Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Bernard R. Goldstein(2009). *Astronomy as a Neutral Zone: Interreligious Cooperation in Medieval Spain*. Journal of Medieval Encounter.

Dasuki Ahmad(1983). *Ikhtisar Perkembangan Islam*.Dewan Bahasa & Pustaka. Kuala Lumpur

Dr. Saadan Man. *Pengajian Astronomi Islam Berlandaskan Hadis Nabi : Perkembangannya di institusi-institusi Pengajian Tinggi di Malaysia*.

Ibnor Azli Ibrahim, Mohd Razlan Ahmad, Mohd Hafiz Safiai(2013). *Astrofiqh Observatories in Malaysia: A Continuation of Islamic Astronomy from West Asia*.

Kamran, M (2009). *Great Patron of Sciences – Part 1 : Mamun AL 'Rashid Guardian of Scientific and Philosophical Research in Medieval Islam*. International Journal of Pathology.

Nor Azzah binti Momin(2012).*Mengimarahkan Perpustakaan Masjid*. Persidangan Perpustakaan Masjid Peringkat Kebangsaan 2012. Universiti Islam Antarabangsa

Rahim Kaviami, Nafiseh Salehi et el(2012). *The significance of the Bayt Al-Hikma(House of Wisdom) in early Abbasid Caliphate (132 A.H-218 A.H)*. 11(9). Middle-East Journal of Scientific Research.

Renuka Ramakrishnan,Norizan Esa & Siti Hawa Abdullah.*Kesan Penggunaan Sumber Digital Sejarah Terhadap Amalan Pemikiran Sejarah*.Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Universiti Sains Malaysia.

Shahrul Nizam Ishak,Noor Hayati Marzuki,Jamaluddin Md. Ali(2009). *The importance of Translation Mathematics Old Script*. 3(1).

S. Salahuddin Suyorno, et el(2006). *Sains dan ICT : Peranan dan Cabaran menurut Perspektif Islam*. UPENA UiTM. Shah Alam Selangor.



*Peranan Perpustakaan Awam Negeri dalam Pengajian Falak Syarie:  
Kajian Perbandingan di Perak dan Selangor*

Sumber daripada Utusan Malaysia. Diambil daripada [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0208&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0208&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm) pada 22 Ogos 2014 jam 10.48 pagi.

Sumber diambil daripada <http://www.ppas.gov.my/index.php/pautan/11-pan> pada 4 November 2014.

Sumber diambil daripada <http://library.csu.edu/callnumbers/deweynumber.html> pada 29 August 2014.

Yasmeen Mahnaz Faruqi(2006).*Contributions of Islamic Scholars to the Scientific Enterprise*.7(4).International Education Journal.